

Pembukaan balai

B4

19/1/88

ditangguhkan

SEREMBAN, Isnin — Langkah Kerajaan Negeri menangguhkan pembukaan semula Balai Undang Luak Sungai Ujong di Jalan Tasik di sini adalah bagi mengelakkan campur tangan mereka yang tidak berkepentingan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Pihak berkuasa mahu memastikan balai itu tidak 'dicerobohi' oleh anak-anak Waris yang tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam urusan berkenaan, menurut sumber-sumber tertinggi adat di sini.

"Sebarang perbuatan merampas balai oleh mana-mana pihak seperti yang berlaku sebelum ini akan hanya menjejaskan usaha Dewan Keadilan dan Undang Negeri dalam mencari penyelesaian terhadap krisis perantikan Datuk Kelana ke-10 yang sudah berlarutan lebih empat tahun.

"Difahamkan sekumpulan anak-anak Waris di Air cuba memasuki balai itu pada 7 Januari lalu apabila mereka mendengar berita mengenai keputusan Kerajaan Negeri untuk membukanya

man rasmi Undang Luak Sungai Ujong ditadbirkan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Difahamkan salah seorang ketua adat yang mewakili anak-anak Waris di Air cuba mendapatkan kunci balai itu daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amirrudin Kaharudin pada 7 Januari lalu dengan alasan "Ingin menggunakan dewan bagi menubuhkan Jemaah Tertinggi Adat Luak Sungai Ujong".

Hak mutlak

Bagaimanapun, permohonan-nya untuk mendapatkan kunci balai itu ditolak oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan dari kemungkinan berlakunya sebarang kejadian yang tidak diingini.

Sumber-sumber itu menjelaskan anak-anak Waris di Air tidak boleh campur tangan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana kerana ia adalah menjadi hak mutlak anak-anak Waris di Darat berdasarkan kepada isi kandungan Terombo Asal Luak Sungai Ujong.

Anak-anak Waris di Air mence-
masi The Lembaga Peng-

tusan yang dibuat oleh anak-anak Waris di Darat.

"Sebenarnya tujuan utama pihak berkuasa membuka semula balai itu ialah bagi membolehkan diadakan perbincangan di antara ahli-ahli Dewan Keadilan dan Undang Negeri dengan tua-tua Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hilir.

"Bagaimanapun, sekumpulan ketua adat yang mewakili anak-anak Waris Perut Ulu cuba menggunakan kesempatan itu untuk menubuhkan Jemaah Tertinggi Adat bagi kepentingan sendiri," kata sumber-sumber itu.